# ‘PBT yang luluskan kilang di Pasir Gudang, bukan saya’

MALAYSIA KINI | Diterbitkan 8 Ogs 2019, 1:16 tengahari | Dikemaskini 8 Ogs 2019, 1:16 tengahari




Naib Presiden Umno, Mohamed Khaled Nordin menafikan meluluskan pembukaan operasi kilang sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran di Pasir Gudang.

Bekas menteri besar Johor itu berkata kuasa meluluskan operasi kilang tertakluk bawah bidang kuasa dan pemantauan pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Urusan pelesenan, pemantauan serta syarat-syarat tambahan pula bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan agensi yang berkaitan, katanya lagi.

"Kelulusan pembukaan atau operasi sesebuah kilang di Pasir Gudang bukanlah kuasa dan tugas Adun yang terlibat. Setidak-tidaknya tidak semasa saya menjadi Adun.

"Sebaliknya, kelulusan dan operasi kilang adalah bawah bidang kuasa dan pemantauan pihak berkuasa tempatan. Dalam kes ini, Majlis Perbandaran Pasir Gudang," kata bekas anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Permas.

Semalam sebuah laman Facebook Kelab Muafakat Johor menuding jari kepada Khaled susulan pencemaran yang berlaku di pasir Gudang.

Menurut hantaran berkenaan, pencemaran itu tidak akan berlaku sekiranya Khaled ketika berkuasa mendengar luahan awam dan pakar terhadap pencemaran di Pasir Gudang.

Laman tersebut turut memetik beberapa kajian alam sekitar dan laporan akhbar berkaitan pencemaran di Pasir Gudang ketika pentadbiran Khaled.